



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 4 DISEMBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	SABAH KELUAR PERMIT PERIKANAN LAUT DALAM, BH -ONLINE SABAH, SARAWAK DIBERI KUASA AUTONOMI KELUAR PERMIT, LESEN LAUT DALAM, HM -ONLINE SABAH, SARAWAK FOKUS KEPADA CADANGAN RUU PINDA PERLEMBANGAAN PERSEKUTUAN SELARAS DENGAN MA63 - KM HAJJI, SABAH NEWS -ONLINE SABAH KINI BERKUASA MENGELUARKAN PERMIT, LESEN LAUT DALAM, UTUSAN BORNEO -ONLINE SABAH, SARAWAK GET AUTONOMY ON DEEP-SEA PERMITS, LICENSES, NST -ONLINE MA63: PEMBERIAN KUASA KEPADA SABAH BAGI PERLESENAN PERIKANAN LAUT DALAM NEGERI, BORNEO OCHO.COM -ONLINE SABAH FISHERIES DEPT NOW EMPOWERED TO ISSUE DEEP-SEA FISHING LICENCE, SAYS KIANDEE, THE STAR -ONLINE RACUN MAHAL, SETEMPAT, HM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9.	LOTUS's MALAYSIA SOKONG PKS, NASIONAL, SH -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	ISU HARGA BARANG NAIK: PELANGGAN DATANG TAPI TAK BELI - PENIAGA, ASTOR AWANI -ONLINE PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA TAWAR HARGA MURAH, SUARA TV -ONLINE JUALAN KELUARGA MALAYSIA DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN, UTUSAN TV ONLINE RM561.8j UNTUK SEKTOR PERTANIAN, HARIAN EKSPRESS -ONLINE JUALAN KELUARGA MALAYSIA DIPERLUAS KE PERLIS, BERITA RTM -ONLINE KPDNHEP TINGKAT KERJASAMA STABILKAN HARGA BARANG, BH -ONLINE GOOD PRICE MUST REDUCE, NEWS, MALAYSIA NANNAN -2 HARGA BARANG SERENDAH 50 PERATUS, NASIONAL, SH -1 & 9 ASSEMBLYMEN PLEA FOR HELP FOR FARMERS AFFECTED BY POOR HARVEST, METRO, THE STAR -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Sabah keluar permit perikanan laut dalam



Hajiji menyaksikan penyerahan Surat Empowerment berkaitan pelesenan perikanan laut dalam Sabah oleh Ronald (kiri) kepada Jeffrey.

KOTA KINABALU: Kerajaan Persekutuan bersetuju memberi kuasa kepada kerajaan Sabah serta Sarawak untuk menguruskan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan Zon C2.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Khas mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 18 Oktober lalu.

Katanya, Perdana Menteri bersetuju memberi kuasa terbabit kepada Pengarah Jabatan Perikanan Sabah dan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

Katanya, sebelum ini, pengeluaran lesen vesel dan peralatan menangkap ikan laut dalam di Sabah dilaksanakan melalui perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah Perikanan menurut Akta Perikanan 1985 (Akta 317) kepada Pengarah Perikanan Sabah.

"Pemberian kuasa ini bermula dengan penerimaan permohonan, pengauditan, penilaian, kelulusan permohonan sehingga pengeluaran permit dan lesen vesel serta peralatan penangkapan ikan laut dalam Zon C2 tertakluk kepada syarat ditetapkan secara bersama.

"Kementerian bersedia mengadakan sesi libat urus dengan Sabah supaya kepentingan pengurusan sektor perikanan negeri ini diambil kira dalam cadangan penambahbaikan Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

"Ia akan dilaksanakan kajian penambahbaikan dimuktamadkan," katanya pada sidang media selepas Majlis Sesi Penyerahan Surat Pemberian Kuasa Berkaitan Pelesenan Perikanan Laut Dalam Sabah kepada Kerajaan Sabah, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Hajiji Noor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri di JPM (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah merangkap Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Ronald berkata, keputusan bersama itu diharap memanfaatkan kedua-dua pihak kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri khususnya dari segi pengurusan sumber perikanan, keselamatan perairan dan hubungan antarabangsa.

"Saya percaya inisiatif kerajaan melalui pemberian kuasa ini akan dapat menjaga kepentingan Sabah dan keharmonian semua sebagai Keluarga Malaysia.

"Pada masa sama, Sabah boleh melaksanakan dasar sedia ada dan baharu berkaitan pengurusan perikanan yang bersesuaian dengan keperluan industri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## Sabah, Sarawak diberi kuasa autonomi keluar permit, lesen laut dalam



HAJJI menyaksikan penyerahan Surat Empowerment berkaitan pelesenan perikanan laut dalam Sabah oleh Ronald Kiandee (kiri) kepada kerajaan negeri Sabah diwakili Jeffrey Kitingan di Dewan Undangan Negeri Sabah. FOTO BERNAMA

Kota Kinabalu: Kerajaan Persekutuan bersetuju memberi kuasa kepada Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit serta lesen

laut dalam bagi vesel penangkapan ikan Zon C2.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Khas mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 18 Oktober lalu.

Menurutnya, dalam proses memberikan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak dalam aspek perikanan laut dalam, Perdana Menteri bersetuju memberi kuasa itu kepada Pengarah Jabatan Perikanan Sabah dan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

Katanya, ketika ini, pengeluaran lesen vesel dan peralatan menangkap ikan laut dalam di Sabah dilaksanakan melalui perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah Perikanan menurut Akta Perikanan 1985 (Akta 317) kepada Pengarah Perikanan Negeri Sabah.

"Pemberian kuasa ini bermula dengan penerimaan permohonan, pengauditan, penilaian, kelulusan permohonan sehingga pengeluaran permit dan lesen vesel serta peralatan penangkapan ikan laut dalam Zon C2 tertakluk kepada syarat ditetapkan secara bersama.

"Mafi juga sentiasa bersedia mengadakan sesi libat urus dengan Sabah supaya kepentingan pengurusan sektor perikanan negeri ini diambil kira dalam cadangan penambahbaikan kepada Akta Perikanan 1985 [Akta 317] yang mana ia akan dilaksanakan selepas kajian berkenaan penambahbaikan tersebut dimuktamadkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas Majlis Sesi Penyerahan Surat Pemberian Kuasa Berkaitan Pelesenan Perikanan Laut Dalam Sabah kepada Kerajaan Negeri bertempat di Dewan Undangan Negeri (Dun) Sabah, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah merangkap Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Dalam pada itu, Ronald berkata, industri perikanan Sabah mempunyai potensi pembangunan yang tinggi dan harus terus dikembangkan.

"Ketika ini, Sabah mempunyai seramai 30,486 nelayan yang menghasilkan sejumlah 206,703 tan metrik ikan setahun dengan nilai melebihi RM1.2 bilion.

"Dalam hal ini, saya yakin Mafi bersama-sama kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) akan terus membangunkan industri perikanan Sabah sebagai salah satu hab utama perikanan di Malaysia.

"Saya harap keputusan bersama ini dapat memanfaatkan kedua-dua pihak khususnya daripada segi pengurusan sumber perikanan, keselamatan perairan dan hubungan antarabangsa.

"Saya percaya inisiatif kerajaan melalui pemberian kuasa ini akan dapat menjaga kepentingan Sabah dan keharmonian semua sebagai Keluarga Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	SABAH NEWS	ONLINE	

## SABAH, SARAWAK FOKUS KEPADA CADANGAN RUU PINDA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SELARAS DENGAN MA63 – KM HAJIJI



Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor menandatangani penyerahan surat memperkasakan lesen memancing laut dalam Sabah daripada Ronald Kiandee (kiri) kepada Dr Jeffrey (kanan)...

KOTA KINABALU, SABAH – Rang undang-undang (RUU) yang dicadangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan supaya selaras dengan peruntukan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) adalah hasil kegigihan

pihak Sabah dan Sarawak.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor berkata beliau dan rakan sejawat di Sarawak telah mengemukakan tuntutan negeri-negeri terbabit pada Majlis Khas MA63 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

***“Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sebenarnya adalah hasil daripada keputusan Majlis Khas MA63 yang mengambil kira permintaan daripada Sabah dan Sarawak...”***

***“Kerajaan Sabah melihat pembentukan Majlis Khas MA63 sebagai fasa penting dan manifestasi ketersediaan kerajaan hari ini untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dipersetujui sebelum ini,”*** katanya.

Beliau berucap pada taklimat Majlis Khas MA63 bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah di auditorium mini Dewan Undangan Negeri dekat sini, hari ini.

Hajiji berkata jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Panglima Masidi Manjun juga telah ditubuhkan untuk berunding bagi mendapatkan lebih banyak bahagian hasil dalam sektor minyak dan gas daripada Petronas.

Katanya, beliau sendiri telah bertemu secara peribadi dengan presiden Ketua Pegawai Eksekutif Petronas untuk membincangkan Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA), yang menurutnya akan ditandatangani tidak lama lagi.

***“Melalui CCA, Sabah akan mempunyai perkongsian hasil dan penyertaan yang lebih besar dan lebih kuasa dalam hal minyak dan gas kita,”*** katanya.

Taklimat khas itu bertujuan memberi gambaran kepada wakil rakyat mengenai perkembangan terkini tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Khas MA63.



Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajji Haji Noor bersapa dengan Dr Ronald Kiandee dan Dr Maximus Ongkili..

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Sri Dr Haji Wan

Junaidi Tuanku Jaafar (Parlimen dan Undang-undang).

Semasa taklimat itu, Hajji turut menyaksikan penyerahan kuasa mengeluarkan lesen perikanan laut dalam kepada Kerajaan Negeri daripada Datuk Seri Dr Ronald Kiandee kepada Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	SABAH NEWS	ONLINE	

## SABAH, SARAWAK FOKUS KEPADA CADANGAN RUU PINDA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SELARAS DENGAN MA63 – KM HAJJI



Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor menyaksikan penyerahan surat memperkasakan lesen memancing laut dalam Sabah daripada Ronald Kiandee (kiri) kepada Dr Jeffrey (kanan)...

KOTA KINABALU, SABAH – Rang undang-undang (RUU) yang dicadangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan

supaya selaras dengan peruntukan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) adalah hasil kegigihan pihak Sabah dan Sarawak.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor berkata beliau dan rakan sejawat di Sarawak telah mengemukakan tuntutan negeri-negeri terbabit pada Majlis Khas MA63 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

***“Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sebenarnya adalah hasil daripada keputusan Majlis Khas MA63 yang mengambil kira permintaan daripada Sabah dan Sarawak...”***

***“Kerajaan Sabah melihat pembentukan Majlis Khas MA63 sebagai fasa penting dan manifestasi ketersediaan kerajaan hari ini untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dipersetujui sebelum ini,”*** katanya.

Beliau berucap pada taklimat Majlis Khas MA63 bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah di auditorium mini Dewan Undangan Negeri dekat sini, hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Sabah kini berkuasa mengeluarkan permit, lesen laut dalam



RONALD

KOTA KINABALU: Sabah kini berkuasa untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan zon C2.

Surat pemberian kuasa itu diserahkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Khandee kepada kerajaan negeri di sini, hari ini.

Ronald berkata, berikutan Mesyuarat Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada 18 Oktober 2021, beliau bersetuju memberi kuasa

kepada Pengarah Jabatan Perikanan Sabah dan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak untuk melaksanakan urusan terbabit.

"Sebagaimana semua sedia maklum, buat masa ini, pengeluaran lesen vesel dan peralatan menangkap ikan laut dalam di Sabah dilaksanakan melalui perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah Perikanan menurut Akta Perikanan 1985 [Akta 317] kepada Pengarah Perikanan Negeri Sabah.

"Pemberian kuasa ini bermula dengan penerimaan permohonan, pengauditan, penilaian, kelulusan permohonan sehingga pengeluaran permit dan lesen vesel serta peralatan penangkapan ikan laut dalam Zon C2 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan secara bersama," katanya pada sesi taklimat mengenai Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kerajaan di sini, hari ini.

Beliau berkata, MAFI juga sentiasa bersedia mengadakan sesi libat urus dengan kerajaan negeri supaya kepentingan pengurusan sektor perikanan Sabah diambil kira dalam cadangan penambahbaikan kepada Akta Perikanan 1985 [Akta 317] yang mana ia akan dilaksanakan setelah kajian berkenaan penambahbaikan tersebut dimuktamadkan.

"Saya berharap agar keputusan bersama ini dapat memanfaatkan kedua-dua pihak kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri khususnya dari segi pengurusan sumber perikanan, keselamatan perairan dan hubungan antarabangsa.

"Saya percaya inisiatif kerajaan melalui pemberian kuasa ini akan dapat menjaga kepentingan Sabah dan keharmonian semua sebagai Keluarga Malaysia," katanya.

Pada masa yang sama katanya, pihak Sabah juga boleh melaksanakan dasar-dasar sedia ada dan dasar-dasar baharu berkaitan pengurusan perikanan yang bersesuaian dengan keperluan industri perikanan di Sabah dengan mengikut norma-norma instrumen pengurusan perikanan antarabangsa.

Katanya, bagi terus memperkasa sektor perikanan dan sektor pertanian negara secara umumnya, MAFI telah melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang bertujuan antara lainnya untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan nelayan serta penternak akuakultur.



"DAN 2.0 juga mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agro makanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

"Selain DAN 2.0, galakan penerokaan perikanan laut dalam menerusi pemodenan vesel merupakan antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh MAFI melalui DOF di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2030 (Pelan DSMN) untuk memastikan jaminan bekalan makanan sumber protein yang berterusan," katanya.

Baru-baru ini katanya, MAFI juga melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021– 2030 dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna Laut China Selatan, Laut Sulu serta Laut Sulawesi 2021 – 2030 dalam membangunkan industri tuna negara selain meningkatkan pasaran produk berasaskan tuna yang bernilai tinggi di peringkat domestik dan antarabangsa.

Menurutnya, industri perikanan Sabah mempunyai potensi pembangunan yang tinggi dan harus terus dikembangkan memandangkan pada ketika Sabah mempunyai seramai 30,486 orang nelayan yang menghasilkan sejumlah 206,703 tan metrik ikan setahun dengan nilai melebihi 1.2 bilion ringgit.

"Dalam hal ini, saya yakin MAFI bersama-sama dengan kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) akan terus membangunkan industri perikanan Sabah sebagai salah satu hab utama perikanan di Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	NST	ONLINE	

## Sabah, Sarawak get autonomy on deep-sea permits, licences



Meeting on the 1963 Malaysia Agreement (MA63) chaired by the Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Oct 18 agreed on the matter.

The Federal Government has given the green light to Sabah and Sarawak to issue permits and deep-sea licenses for Zone C2 fishing vessels. - Bernama pic

KOTA KINABALU: The Federal Government has given the green light to Sabah and Sarawak to issue permits and deep-sea licenses for Zone C2 fishing vessels.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said the Special Council

He said in the process of giving autonomy to Sabah and Sarawak over deep-sea fishing activities, the Prime Minister agreed to hand over the power to the Director of the Sabah Fisheries Department and the Director of the Sarawak Marine Fisheries Department.

Kiang said currently the issuance of deep-sea fishing vessel and equipment licenses in Sabah were carried out through delegation of authority by the Director-General of Fisheries according to the Fisheries Act 1985 (Act 317) to the Sabah State Director of Fisheries.

"This authorisation begins with the acceptance of the application, auditing, evaluation, approval of the application until the issuance of permits and licenses for vessels and marine fishing equipment in Zone C2 subject to the conditions set jointly.

"The ministry is always ready to hold engagement sessions with Sabah so that the importance of the management of the state's fisheries sector is taken into account in the proposed improvements to the Fisheries Act 1985 [Act 317] which will be implemented after the study on the improvements is finalised," he said at a press conference at the Sabah State Assembly, here, today.

Present were Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor, Minister in the Prime Minister's Department (Parliament and Law) Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Minister in the Prime Minister's Department (Sabah and Sarawak Affairs) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili and Sabah Minister of Agriculture and Food Industry cum Deputy Chief Minister Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Kiang also said that Sabah's fishing industry has high development potential and the sector should continue to be developed.

"Currently, Sabah has a total of 30,486 fishermen who hauled a total of 206,703 metric tonnes of fish a year with a value of more than RM1.2 billion.

"In this regard, I am confident that MAFI together with the state government and the Sabah Ministry of Agriculture and Fisheries (MAFS) will continue to develop the Sabah fisheries industry as one of the major hubs in Malaysia.

"I hope that this joint decision can benefit both the federal and state governments, especially in terms of fisheries resource management, maritime security and international relations.

"I believe the government's initiative through this empowerment will be able to safeguard the interests of Sabah and the harmony of all as a Malaysian Family.

"At the same time, Sabah can also implement existing and new policies related to fisheries' management under the needs of the fishing industry in Sabah by following norms of international fisheries' management instruments," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	BORNEO ECHO.COM	ONLINE	

## MA63: Pemberian kuasa kepada Sabah bagi perlesenan perikanan laut dalam negeri.



KOTA KINABALU: Perdana Menteri telah bersetuju memberi kuasa kepada Pengarah Jabatan Perikanan Sabah dan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak untuk melaksanakan urusan pengeluaran permit dan lesen laut dalam bagi vesel penangkapan ikan zon C2.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata persetujuan tersebut tercapai pada 18 Oktober 2021 semasa Mesyuarat Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 semasa perbincangan memberikan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak

dalam aspek perikanan laut dalam.

“Sebagaimana semua sedia maklum, buat masa ini, pengeluaran lesen vesel dan peralatan menangkap ikan laut dalam di Sabah dilaksanakan melalui perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah Perikanan menurut Akta Perikanan 1985 [Akta 317] kepada Pengarah Perikanan Negeri Sabah.

“Pemberian kuasa ini bermula dengan penerimaan permohonan, pengauditan, penilaian, kelulusan permohonan sehingga pengeluaran permit dan lesen vesel dan peralatan penangkapan ikan laut dalam Zon C2 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan secara bersama.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga sentiasa bersedia mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Sabah supaya kepentingan pengurusan sektor perikanan Negeri Sabah diambil kira dalam cadangan penambahbaikan kepada Akta Perikanan 1985 [Akta 317] yang mana ia akan dilaksanakan setelah kajian berkenaan penambahbaikan tersebut dimuktamadkan.

“Saya percaya inisiatif Kerajaan melalui pemberian kuasa ini akan dapat menjaga kepentingan Sabah dan keharmonian semua sebagai Keluarga Malaysia,” beliau berkata semasa sesi taklimat MA63 bersama Ketua Menteri dan jemaah menteri kabinet.

Ronald juga berkata pada masa yang sama, pihak Sabah juga boleh melaksanakan dasar-dasar sedia ada dan dasar-dasar baharu berkaitan pengurusan perikanan yang bersesuaian dengan keperluan industri perikanan di Sabah dengan mengikut norma-norma instrumen pengurusan perikanan antarabangsa.

Industri perikanan Sabah mempunyai potensi pembangunan yang tinggi dan harus terus dikembangkan memandangkan pada ketika ini Negeri Sabah mempunyai seramai 30,486 orang nelayan yang menghasilkan sejumlah 206,703 tan metrik ikan setahun dengan nilai melebihi 1.2 bilion ringgit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	THE STAR	ONLINE	

## Sabah Fisheries Dept now empowered to issue deep-sea fishing licence, says Kiandee



KOTA KINABALU: The Sabah Fisheries Department has been given the authority to issue deep-sea fishing licences, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said this was based on a decision during the Malaysia 1963 (MA63) Special Council meeting on Oct 18.

It was agreed then that the directors of the Sabah and Sarawak Fisheries Department have been empowered to issue deep-sea permits and licences for fishing vessels in Zone C2, said Kiandee.

Previously, the vessel and deep-sea fishing paraphernalia licenses in Sabah were done through the Fisheries director-general.

On this, Kiandee added that the distribution of power will start with receiving applications, auditing, review and the approval of applications.

He said that this will go on until the issuance of permits and licenses for vessels and fishing paraphernalia for deep-sea activities in Zon C2, based on set conditions.

Kiandee said that this means Sabah can decide how many licences to be issued and the amount of fish (raked in) based on the source capacity in its waters.

"The decision is expected to benefit both federal and state governments in terms of managing fisheries resources, coastal security and international relations," said Kiandee.

"I hope this empowerment will boost the deep-sea fishing industry. For example, I recently launched the tuna industry strategic development plan in Labuan covering the South China Sea, Sulu Sea and Sulawesi Sea," he added.

Kiandee said that these seas have a huge potential in the tuna industry and added that he hopes that the resource can be exploited.


He said this when handing over the letter to empower the department to Sabah Agriculture and Fisheries Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan on Saturday (Dec 4).

Kiandee added that in general, the Sabah fisheries industry has huge potential for development as it currently has 30,486 fishermen with 206,703 metric tonnes of fish landed annually with a value of over RM1.2bil.

Meanwhile, the handing over of the letter of empowerment was done on the sidelines of the MA63 Special Council briefing session for the state assembly, where Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor was present as a witness.

Also present were Minister in the Prime Minister's Department (Sabah and Sarawak Affairs) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili and Minister in the Prime Minister's Department (Parliament and Law) Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Headline	Racun mahal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	18	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,509



**Tasek Gelugor:** Seorang pekerja menyembur racun serangga di ladang sayur di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuala di sini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mali) Datuk Seri De Ronald Klandee menyatakan harga racun serangga meningkat sehingga 150 peratus lalu RM60 kepada RM97.50. Selain itu harga racun kulat juga mencatatkan peningkatan 2077 peratus, racun siput hampir 20 peratus, baja sebatian Tera Blue sebanyak 84 peratus, Agrobrylge 131 peratus dan NPK Blue 14.5 peratus. Beliau berkata kenaikan harga itu di luar kawalan Mali berikutan peningkatan harga pasaran dunia, sekali gus memberi kesan langsung kepada pengeluaran di tangkang petani. Sehubungan itu, katanya, pihak kementerian memperkenalkan langkah alternatif dengan melaksanakan pengurangan keberagaman dan peralihan baja kimia kepada organik, selain memperkenalkan pelbagai pendekatan serta pengamalgaman perkhidmatan bagi jangka panjang.

Headline	Lotus's Malaysia sokong PKS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	30	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	768 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh MUHAMMAD AMNAN	AdValue	RM 16,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,845

# Lotus's Malaysia sokong PKS

Menerusi pelaksanaan KBBM di kesemua 62 stor pasarannya di seluruh negara

Oleh MUHAMMAD AMNAN

KUALA LUMPUR

**L**otus Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) terus memberikan sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerusi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) di kesemua 62 stor pasarannya di seluruh negara.

Pengarah Eksekutif Khidmat Korporat Lotus's Malaysia, Azliza Baizura Azmel berkata, kempen yang dilaksanakan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyediakan pasaran lebih meluas kepada PKS-PKS terlibat.

Beliau berkata, KBBM pada tahun ini juga penting kerana ia memberikan tumpuan kepada PKS yang ketika ini sedang dalam proses membina semula perniagaan mereka selepas terkesan ekoran pandemik Covid-19.

"Sebagai peruncit, kami mempunyai keyakinan terhadap kepercayaan dan kualiti dimiliki PKS tempatan. Sebagai contoh, sebanyak 90 peratus daripada lebih 3,000 barangan jenama Lotus's diperolehi dan dikilangkan oleh syarikat PKS tempatan.

"Sebagai rangkaian peruncitan terkemuka di dalam negara, Lotus's memahami tanggungjawab kami untuk memastikan PKS tempatan yang merupakan tonggak penting pertumbuhan ekonomi dapat berkembang maju dan berdaya bertahan.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, di sini, pada Khamis.

Hadir menyempurnakan program tersebut ialah Ketua Setiausaha



Hasnol (tengah) ketika menyempurnakan program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia bersama Azliza (kanan) di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur pada Khamis.

KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Dalam pada itu, Azliza berkata, penyertaan kesemua PKS tempatan pada kempen kali ini yang bermula pada Ogos lalu itu turut melibatkan pemasaran sebanyak 800 unit simpanan stok (SKU) di kesemua pasaraya tersebut.

Beliau pada masa sama turut melahirkan penghargaan kepada PKS tempatan yang sentiasa aktif memberikan pandangan dan juga menerima idea baharu dalam memastikan mereka boleh terus bersaing dengan produk lain yang berada dalam pasaran.

Sementara itu, turut berlangung pada majlis tersebut adalah pameran Produk Citarasa Keluarga Malaysia melibatkan 16 PKS tempatan dengan 10 daripadanya adalah pembekal sedia ada Lotus's yang juga dahulunya dikenali sebagai Tesco Malaysia manakala enam daripadanya merupakan pembekal berpotensi dicalonkan KPDNHEP.

Menurut Azliza, pameran yang akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 5 Disember 2021 itu bukan sahaja memberikan ruang untuk PKS terlibat bagi membuat jualan tetapi

juga mempromosikan produk masing-masing.

Acara tersebut juga menyaksikan penyampaian Sijil Pelantikan Pembekal kepada 17 IKS dan PKS baharu Lotus's Malaysia dan Anugerah Pembekal IKS dan PKS Terbaik terhadap 10 PKS di bawah syarikat tersebut.

Antara pembekal PKS terbaharu yang dilantik ialah Al Quds Livestock Sdn Bhd, Anramin Industry (M) Sdn Bhd, ASA Palm Milk, Che Nor Food Solution Sdn Bhd, CN Loyal Sdn Bhd, DNS Kacang Puteh Sdn Bhd dan Eatalian Express Food Industries Sdn Bhd.

Sementara itu, pembekal yang menerima Anugerah Pembekal Terbaik Lotus's Malaysia antaranya ialah Jalen Distributors Sdn Bhd, Bestari Sales & Marketing Sdn Bhd, Al Meswak Mu Min Sdn Bhd, Halagel (M) Sdn Bhd dan Afy Haniff Bena & Bekal.

SH: Cari pembekal PKS tempatan berpotensi

Mengulas lanjut, Azliza berkata, selaras membantu perkembangan PKS, Pasukan Sokongan PKS Lotus's sentiasa mencari pembekal yang berpotensi melalui kerjasama rapat dengan agensi

lain khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kerjasama sedemikian telah membantu syarikat PKS seperti Al Quds Livestock Sdn Bhd (Al Quds) untuk menjadi pembekal tunggal daging segar tempatan untuk Lotus's Malaysia.

"Sehingga kini, Al Quds membekalkan 12 SKU kepada 20 pasaraya kami, dengan potensi untuk terus berkembang kepada 50 lagi kedai pada masa hadapan," ujarnya.

Azliza berkata, Lotus's juga telah memulakan program yang pembekalan kepada kedai runcit yang diusahakan oleh syarikat perniagaan tempatan berskala kecil dengan barangan pukal pada harga yang sangat kompetitif.

Katanya, sehingga kini, hampir 900 kedai runcit telah melanggan kemudahan tersebut dan pihaknya merancang untuk meluaskan lagi jangkauan inisiatif berkenaan dalam masa terdekat.

Pada masa sama, Azliza turut memaklumkan bahawa hampir 60 peratus daripada penyewa di pasarayanya adalah syarikat perniagaan Bumiputera.

Dalam pada itu, Azliza berkata, Lotus's Malaysia dijangka membuka dua pasaraya baharu yang terletak di Pulau Hartamas, Ipoh, Perak dan Bandar Puteri Jaya, Sungai Petani, Kedah pada Januari tahun hadapan.

Sementara itu, Hasnol berkata, Lotus's Malaysia dilihat sentiasa aktif dalam merancang serta melaksanakan inisiatif bagi menyokong pelan kerajaan dalam meningkatkan jualan sektor peruncitan termasuk menerusi inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia.

Sehubungan itu, beliau berharap agar lebih ramai lagi usahawan tempatan yang terlibat sebagai pembekal kepada pasaraya Lotus's Malaysia.

"Usaha ini bukan hanya sekadar diharap dapat membuka berpotensi peluang dan ruang, malah ia juga diharap dapat membimbing pembekal dan usahawan tempatan untuk terus berjaya dalam mengembangkan pasaran sekaligus dapat mencapai nilai jualan tertinggi," ujarnya.



Hasnol (kiri) ketika menyampaikan sijil kepada syarikat PKS yang terpilih sebagai pembekal Lotus's Malaysia sambil diakhiri Azliza ketika program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur, pada Khamis.



Azliza ketika berucap pada program Pelancaran KBBM Lotus's Malaysia di Lotus's Ampang, Kuala Lumpur pada Khamis.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Isu harga barang naik: 'Pelanggan datang tapi tak beli' - Peniaga



*Asmirul (tengah) dan Baharudin (kanan) berbual bersama Aman Shah (kiri) ketika pemantauan di Pasar Besar Alor Setar pada Jumaat. -Foto Sinar Harian*

**ALOR SETAR:** Peniaga di Pasar Besar Alor Setar dikhuatiri berdepan masalah kekurangan pelanggan sehingga 50 peratus akibat kenaikan harga barang basah terutamanya sayur-sayuran sejak bulan lepas.

Peniaga sayur, Siti Zuhairah Abd Rahim, 20, berkata, bilangan pelanggan kini makin berkurangan selepas kenaikan harga barangan khususnya sayur-sayuran.

"Ada kalanya pelanggan nampak ramai namun tidak semuanya membeli dan ada yang datang sekadar melihat tanpa membeli apa-apa disebabkan sayur khususnya brokoli yang naik dari RM10 kepada RM18.

"Boleh dikatakan pelanggan berkurangan hampir 50 peratus sejak harga barangan naik," katanya ketika ditemui selepas pemantauan harga dan sumbangan barangan keperluan asas kepada peniaga Pasar Besar Alor Setar, di sini, pada Jumaat.

Katanya, harga sayur-sayuran seperti timun yang naik dari RM3 kepada RM6 sekilogram, seleri dari RM13 kepada RM16, bunga kobis dari RM10 kepada RM18 masih tidak turun sejak hampir sebulan lepas.

Sementara itu, peniaga barangan runcit, Aman Shah Hashim, 60, berkata, hampir separuh barangan runcit seperti telur dan bawang yang mendapat permintaan, terus meningkat harganya.

"Boleh dikatakan semua naik termasuklah garam yang saya beli daripada pembekal. Tiada barangan yang menunjukkan penurunan harga setakat ini, yang turun hanya hujan," katanya.

Bagaimanapun, Aman Shah memberitahu, dia masih menjual barangan berkenaan pada harga sama walaupun harga barangan didapati naik mendadak.

"Selain isu kenaikan harga barangan, bekalan minyak masak pekot didapati makin berkurangan dan susah didapati di pasaran," katanya.

Yang Dipertua Gabungan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu (Gapema) Kedah, Baharudin Mohd Ali melahirkan kebimbangan ada pihak tertentu seperti pemborong mengambil kesempatan menaikkan harga.

"Disebabkan bekalan barangan sedikit namun permintaan banyak maka berlakunya kenaikan harga mendadak sehingga memberi kesan kepada pelbagai pihak," katanya.

Beliau mendesak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan pemantauan ke atas pemborong besar barangan mentah seperti telur dan ayam ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kubang Rotan, Asmirul Anuar Aris berkata, beliau mendapati harga barangan mentah khususnya sayur-sayuran naik antara 10 hingga 80 peratus.

Sehubungan itu, Asmirul mencadangkan kerajaan membentuk jawatankuasa kos sara hidup dianggotai wakil dari beberapa kementerian bagi meneliti isu kenaikan harga barangan itu.

Katanya, antara kementerian dicadangkan ialah KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

"Masalah kenaikan harga barangan dikhuatiri tidak terkawal, sekali gus memerlukan campur tangan dan kerjasama pelbagai kementerian untuk mengatasi isu itu untuk kepentingan rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	SUARA TV	ONLINE	

## Program Jualan Keluarga Malaysia Tawar Harga Murah



KUALA LUMPUR: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang menawarkan barangan asas lebih murah antara 30 hingga 50 peratus menerima sambutan masyarakat di seluruh negara hari ini.

PJKM diadakan serentak di 13 lokasi berbeza di seluruh negara sejak jam 7 pagi tadi melibatkan penjualan barangan asas termasuk ayam segar, sayuran, barangan proses dan keperluan harian.



Program ini dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Ia turut menerima sokongan pelbagai syarikat swasta yang terlibat dalam pengeluaran dan pemborongan produk barangan asas.



PJKM dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Khamis lalu adalah inisiatif jangka pendek sebagai menyokong pelbagai langkah-langkah serta tindakan jangka panjang lain menangani impak kenaikan harga barang asas.

Program jualan ini diadakan serentak bermula jam 7 pagi tadi di Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak, Labuan, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.



Jualan ini akan diadakan dua kali sebulan di seluruh negara dan lokasi berikutnya akan diumumkan KPDNHEP.

Tumpuan PJKM adalah di kawasan penduduk B40 dan M40 di seluruh negara.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Selasa lalu telah mengumumkan, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengimport sekurang-kurangnya 200 kontena ayam sejuk segar.

Manakala, ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish kendalian Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memasuki pasaran, manakala pengeksportan ikan dihentikan buat sementara waktu.

Bagi impak harga sayur, Perdana Menteri telah umum peruntukan RM262 juta sebagai respons awal bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun,



Dari jumlah itu, RM62 juta disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai tambahan ke atas peruntukan subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang keseluruhannya berjumlah RM1.5 bilion.





Manakala RM200 juta pula disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus, di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tekun Nasional (TEKUN) dan Agrobank untuk manfaat pengusaha tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang terkesan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	UTUSAN TV	ONLINE	

## Jualan Keluarga Malaysia dapat sambutan menggalakkan



Orang ramai berpusu-pusu ke Jualan Keluarga Malaysia bagi mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih murah.

PROGRAM Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang menawarkan barangan asas lebih murah antara 30 hingga 50 peratus menerima sambutan masyarakat di seluruh negara hari ini.

Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan dan lebih rendah daripada kawasan sekitar sejak mula dibuka pada pukul 7 pagi tadi.

Sambutan menggalakkan itu ternyata mencerminkan penghargaan masyarakat terhadap penganjuran PJKM bagi meringankan beban rakyat.

PJKM diadakan serentak di 13 lokasi berbeza di seluruh negara melibatkan penjualan barangan asas termasuk ayam segar, sayuran, barangan proses dan keperluan harian.

Program ini dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Ia turut menerima sokongan pelbagai syarikat swasta yang terlibat dalam pengeluaran dan pemborongan produk barangan asas.



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish yang dijual di Jualan Keluarga Malaysia bermula hari ini.

PJKM dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Khamis lalu adalah inisiatif jangka pendek sebagai menyokong pelbagai langkah-langkah serta tindakan jangka panjang lain menangani impak kenaikan harga

barang asas.

Program jualan ini diadakan serentak di Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak, Labuan, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Jualan ini akan diadakan dua kali sebulan di seluruh negara dan lokasi berikutnya akan diumumkan KPDNHEP.

Tumpuan PJKM adalah di kawasan penduduk B40 dan M40 di seluruh negara.

Perdana Menteri pada Selasa lalu telah mengumumkan, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengimport sekurang-kurangnya 200 kontena ayam sejuk segar.



Orang ramai berpusu-pusu ke Jualan Keluarga Malaysia bagi mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih murah.

Manakala, ikan sejuk beku di bawah program Q'Fish kendalian Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) akan memasuki pasaran, manakala pengeksportan ikan dihentikan buat sementara waktu.

Bagi impak harga sayur, Perdana Menteri telah umum peruntukan RM262 juta sebagai respons awal bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun,

Dari jumlah itu, RM62 juta disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai tambahan ke atas peruntukan subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang keseluruhannya berjumlah RM1.5 bilion.

Manakala RM200 juta pula disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus, di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tekun Nasional (TEKUN) dan Agrobank untuk manfaat pengusaha tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang terkesan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	HARIAN EKSPRESS	ONLINE	

## RM561.81j untuk sektor pertanian



**KOTA KINABALU:** Kerajaan komited memperkasa pembangunan sektor pertanian, menjadi sektor pertumbuhan ekonomi negeri terbesar dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ), melibatkan empat subsektor iaitu tanaman, penternakan, perikanan/akuakultur dan getah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Haji Noor berkata matlamat Kerajaan untuk memacu sektor itu adalah untuk melonjakkan produktiviti dan kualiti produk pertanian negeri, bagi memastikan tahap sara diri (SSL) ditingkatkan setiap tahun melalui pelbagai inisiatif pemodenan.

“Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang produktif dalam menyediakan makanan kepada rakyat, peluang perniagaan dan pekerjaan, serta sumber bahan mentah kepada sektor pembuatan.

“Justeru, pada 2022, sejumlah RM561.81 juta diperuntukkan kepada sektor itu dan RM65.09 juta untuk perbelanjaan perbekalan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri (MAF),” kata Hajiji yang juga Menteri Kewangan, ketika membentangkan Belanjawan Negeri 2022 di Dewan Undangan Negeri di sini Jumaat.

Menurutnya, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak RM33.7 juta bagi peruntukan pembangunan dan RM79.54 juta bagi peruntukan perbekalan kepada Jabatan Pertanian Sabah kerana sub-sektor tanaman merupakan antara penyumbang utama pembangunan ekonomi Sabah.

Peruntukan tersebut adalah untuk melaksanakan program-program berkaitan dengan pengeluaran tanaman makanan, pensijilan ladang, penyelidikan tanaman dan inovasi pertanian, penguatkuasaan bio-sekuriti dan kuarantin tumbuhan serta pemerkasaan usahawan tani.

Bagi sub-sektor perikanan, katanya, sebanyak RM12.09 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan dan sebanyak RM24.85 juta bagi perbelanjaan perbekalan bagi tahun 2022.

“Fokus pelaksanaan program dan projek di bawah sub-sektor ini adalah bagi meningkatkan pengeluaran hasil ikan, akuakultur rumpai laut dan ikan hiasan, pengurusan sumber perikanan dengan cekap melalui penggunaan aplikasi teknologi baharu dan urus tadbir perikanan yang baik,” kata Hajiji. Bagi sub-sektor ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar diperuntukkan sebanyak RM56.8 juta bagi perbelanjaan perbekalan dan sebanyak RM16.32 juta bagi perbelanjaan pembangunan yang melibatkan pelaksanaan sebanyak 43 program. Sebanyak RM19.5 juta merupakan peruntukan imbuhan balik Persekutuan yang melibatkan pelaksanaan sebanyak tujuh program pembangunan.

Bagi menyokong pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, sejumlah RM92.7 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah perbelanjaan perbekalan.



“Di samping itu, Kerajaan Negeri meluluskan siling peruntukan sebanyak RM68.51 juta dalam RMK-12 untuk membangunkan beberapa kemudahan pengairan dan saliran di daerah Kota Marudu, Keningau, Sandakan dan Beaufort.

“Untuk tujuan ini, sejumlah RM6.7 juta diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan pada tahun hadapan.

“Kerajaan Negeri juga sentiasa komited untuk mengurangkan masalah banjir melalui pengurusan dan pembangunan tebatan banjir, sungai dan pantai. Oleh itu, sejumlah RM19.2 juta diperuntukkan bagi tahun 2022. Selain itu, sejumlah RM2.16 juta diperuntukkan bagi pengurusan infrastruktur hidrologi, sumber air dan pembinaan pejabat,” tambahnya.

Bagi membolehkan tanaman padi sawah dapat diusahakan dua kali setahun sekali gus meningkatkan pengeluaran padi, infrastruktur pengairan dan saliran di Kota Marudu, Trusan Sapi di Beluran dan Tambunan akan dinaik taraf yang melibatkan keluasan 3,584 hektar menerusi peruntukan imbuhan balik Persekutuan sebanyak RM38 juta.

Pada tahun 2022, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) diperuntukkan sebanyak RM5.23 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

Menurut Hajiji, LIGS akan terus menerima geran bantuan Kerajaan sebanyak RM11 juta pada tahun 2022 sambil menambah, pembayaran Insentif Harga Getah kepada pekebun kecil akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

LIGS juga akan meneruskan pembangunan kawasan ladang melalui Program Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Getah Secara Berkelompok melibatkan 2,333 pekebun kecil.

“Selain itu, LIGS juga akan terus melaksanakan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) kepada pekebun-pekebun kecil getah dengan empat bidang usaha iaitu tanaman halia, nanas MD2, pisang nipah dan penternakan ikan tilapia.

Bagi Korporasi Pembangunan Desa (KPD) dan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) yang bertanggungjawab untuk membantu para petani dan nelayan dalam pembangunan dan peningkatan hasil pertanian dan perikanan, sejumlah RM7.39 juta dan RM8.06 juta diperuntukkan masing-masing kepada KPD dan Ko-Nelayan untuk program pembangunan.

Manakala, sejumlah RM12 juta diperuntukkan sebagai geran bantuan Kerajaan kepada KPD dan RM9 juta kepada Ko-Nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	BERITA RTM	ONLINE	

## Jualan Keluarga Malaysia diperluas ke Perlis



**KANGAR, 4 Disember** – Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob Khamis lalu kini diperluaskan ke Perlis.

Buat permulaan, program berlangsung di Bintong dalam kawasan Parlimen Kangar yang akan dilaksanakan dua kali sebulan untuk tempoh 3 bulan sehingga Februari tahun depan termasuklah

di Parlimen Padang Besar dan Arau.

Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, program yang dikendalikan pihaknya merupakan inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya dari kalangan berpendapatan rendah.

Program ini merupakan kerjasama di antara KPDNHEP bersama pelbagai agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Antara agensi terbabit ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA); Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Negeri Perlis (PELARIS), Pertubuhan Peladang Kawasan Bintong (PPK Bintong), Nas Madi Processing Sdn. Bhd. Advance Chicken Processing Sdn. Bhd., Koperasi Wahida HPA Berhad, Al-Haddad Industries Sdn. Bhd dan NFS AMG Trading.

Program Jualan Keluarga Malaysia diharap dapat menjadi pemangkin kepada masyarakat pengguna khususnya di negeri ini untuk merancang pembelian dan membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan isi rumah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## KPDNHEP tingkat kerjasama stabilkan harga barang



Aris melakukan tinjauan harga barang di Pasar Awam Batu Pahat, hari ini. - NSTP/ESSA ABU YAMIN

BATU PAHAT: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi, termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bagi mencari jalan menstabilkan harga barang keperluan.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDNHEP, Aris Mamat, berkata ia bagi mengurangkan beban pengguna yang terkesan susulan peningkatan harga pelbagai barang keperluan sejak kebelakangan ini.

Namun setakat ini, beliau berkata, harga barang makanan seperti sayur, ikan dan ayam, tidak banyak beza di seluruh negara.

"Ada juga barang keperluan yang peniaga masih mengekalkan harganya seperti daging import," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan harga barang di Pasar Awam Batu Pahat, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya tidak menolak faktor kenaikan harga ketika ini disebabkan permintaan tinggi, tetapi bekalan kurang.

Sementara itu, hasil pemeriksaan Ops Pasar yang dilaksanakan sejak 20 November lalu hingga semalam, sebanyak 21 notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan KPDNHEP cawangan Batu Pahat.

"Notis itu dikeluarkan kepada peniaga sayur-sayuran untuk mendapatkan maklumat kenaikan harga yang berlaku, bagi siasatan lanjut dan mengesan jika wujud sebarang elemen pencatutan.

"Mengikut rekod dari Januari lalu hingga semalam, KPDNHEP cawangan Batu Pahat sudah memeriksa 12,789 premis membabitkan peruncit, pemborong dan pengilang.

"Daripada jumlah pemeriksaan itu, 162 kes dikenakan tindakan dengan kompaun berjumlah RM32,700 dan rampasan bernilai RM34,093," katanya.

Headline	Goods price must reduce		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	2	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	376 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,188
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,563



## பொருட்களின் விலை குறைக்கப்பட வேண்டும்!

நாட்டில் காய்கறிகளின் விலை நாளுக்கு நாள் திடுகிடுவென உயர்ந்து வரும் வேளையில், நாடு முழுவதுமுள்ள அனைத்து நகரங்களிலும் மலேசிய குடும்ப விற்பனையை நடத்துவதற்கு அரசாங்கம் முன்வர வேண்டும் என மலேசிய நண்பன் தேசிய கூட்டணி அரசாங்கத்தை வலியுறுத்திக் கேட்டுக் கொள்கிறது.

இதர இடங்களில் விற்பனை செய்யப்படும் பொருட்களின் விலையை விட இங்கு 20 முதல் 50 விழுக்காடு வரை இன்னும் மலிவாக இருக்கும் என்பதால் நாடு முழுவதுமுள்ள மக்கள் பயனடையும் வகையில் அந்த விற்பனை மக்கள் அதிகமாக வசிக்கும் அனைத்து பகுதிகளிலும் நடத்தப்பட வேண்டும்.

இன்று தொடங்கி நாடு முழுவதுமுள்ள அனைத்து 222 நாடாளுமன்றத் தொகுதிகளிலும் இந்த விற்பனை நடத்தப்படும் என பிரதமர் டத்தோபூர் இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் கூறியிருந்தாலும்கூட, அவை அனைத்து சட்டமன்றத் தொகுதிகளிலும் நடத்தப்படுவதை அரசாங்கம் உறுதிப்படுத்த வேண்டும்.

இந்த மலேசிய குடும்ப விற்பனையை அடுத்தாண்டு பிப்ரவரி வரை நடத்துவதற்கு அரசாங்கம் முடிவு செய்திருந்தாலும்கூட, மாதம் இருமுறை மட்டுமே நடத்தாமல் அதனை வாரந்தோறும்

நடத்துவதற்கு அரசாங்கம் முன்வர வேண்டும்.

இதனை வாரந்தோறும் நடத்துவதற்கு அரசாங்கத்திற்கு எந்தவித சிரமமும் ஏற்படப்



போவதில்லை. காரணம் இதனை நடத்துவதற்கு விவசாய அமைச்சு, உள்நாட்டு வாணிப, பயனீட்டாளர் விவகாரத்துறை அமைச்சு, ஃபாமா எனப்படும் கூட்டரசு விவசாய விற்பனை வாரியம், உள்ளூர் காய்கறி பயிடுவோர் சங்கம் உட்பட பல வேறு அமைப்புகளின் உதவியையும் அரசாங்கத்தால் நாட முடியும்.

கோவிட் - 19 தொற்று ஈரணடுகளாக நாட்டு மக்களை உலுக்கி வரும் வேளையில், கோழி, முட்டை, மீன்கள் உட்பட

காய்கறிகளின் விலை உயர்வினால் மக்கள் பல்வேறு பொருளாதார நெருக்கடிகளுக்கு ஆளாகி வந்துள்ள வேளையில் அரசாங்கம் மக்களின் நிதிச் சூழையைக் குறைக்கும் வகையில் இதுபோன்ற விற்பனை விழாவை நடத்துவது அவசியமாகும்.

அதேநேரத்தில், சந்தையில் மேற்குறிப்பிட்ட பொருட்களின் விலை மேலும் உயராமல் இருப்பதை அரசாங்கம் உறுதிப்படுத்த வேண்டும்.

வியாபாரிகள் வேண்டுமென்றே விலையை உயர்த்தாமல் இருப்பதற்கு சில அமைச்சுகளின் அமலாக்கப் பிரிவு தங்களின் திடீர் சோதனையை மேலும் அதிகப்படுத்த வேண்டும். விதிமுறையை மீறும் வியாபாரிகளுக்கு எதிராக கடுமையான நடவடிக்கைகள் எடுக்கப்பட வேண்டும்.

அடுத்தாண்டு பிப்ரவரி மாதம் வரை காய்கறி உட்பட இதர பொருட்களின் விலை குறையாத நிலையில், அரசாங்கத்தின் இந்த மலேசிய குடும்ப விற்பனை திட்டம் நாடு முழுவதும் தொடர்ந்து நடத்தப்பட வேண்டும்.

நாட்டில் பொருட்களின் விலை நாளுக்கு நாள் தொடர்ந்து ஏற்றம் கண்டு வரும் நிலையில் நாட்டில் எந்த பொருட்களின் விலையும் இதுவரை குறைந்தபாடில்லை.

Headline	Harga barang serendah 50 peratus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,9	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	464 cm <sup>2</sup>
Journalist	RAJA NUR FAZNIE AIDA	AdValue	RM 9,837
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,511



## JUALAN MURAH SELURUH NEGARA BERMULA

**PROGRAM** Jualan Keluarga Malaysia di semua 222 kawasan Parlimen bermula hari ini sebagai antara usaha kerajaan meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Inisiatif yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan syarikat swasta itu menawarkan barangan keperluan harian sehingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Antara barangan keperluan asas yang ditawarkan ialah telur ayam, ikan segar, cili merah, bawang besar, sardin dan susu pekat manis.

Headline	Harga barang serendah 50 peratus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,9	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	464 cm <sup>2</sup>
Journalist	RAJA NUR FAZNIE AIDA	AdValue	RM 9,837
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,511

# Harga barang serendah 50 peratus

Program Jualan Keluarga Malaysia diadakan serentak di 222 kawasan Parlimen bermula hari ini

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

**P**rogram Jualan Keluarga Malaysia yang diadakan serentak pada Sabtu memabitkan 222 kawasan Parlimen di seluruh negara menawarkan harga barang keperluan harian antara 20 hingga 50 peratus lebih murah, berbanding tempat lain.

Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran



Barangan segar ikan antara yang dijual dalam Program Jualan Keluarga Malaysia.

Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Shamsuzaman Sulaiman berkata, ia bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat khususnya

golongan B40 dan M40.

Tambah beliau, ia juga secara tidak langsung membantu mengatasi isu kenaikan harga barangan secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

"Seperti kita sedia maklum,

kenaikan harga barang sekarang ini adalah disebabkan fenomena global di mana kenaikan berlaku apabila kita dalam keadaan pandemik.

"Jadi apa yang dipersetujui kerajaan, kita buat jualan ini. Sasaran kita di 222 kawasan Parlimen dalam tempoh tiga bulan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut beliau berkata, antara pihak yang terlibat secara langsung dengan program Jualan Keluarga Malaysia itu adalah KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi swasta.

Menariknya mengenai program tersebut, Shamsuzaman berkata, kerajaan tidak akan mengenakan subsidi ke atas jualan.



SHAMSUZAMAN

"Maksudnya kerajaan akan membawa terus barangan dari ladang. Kemudian peruncit akan menjual berdasarkan harga dari ladang," ujarnya.

Beliau bagaimanapun berharap agar lebih ramai pihak terlibat untuk memberikan tawaran istilam kerana memahami masalah yang dihadapi rakyat ketika ini.

"Inilah masanya kita memberikan pengorbanan dari segi sumbangan dan penglibatan untuk meringankan beban rakyat," katanya.

Antara barangan yang ditawarkan pada program berkenaan ialah telur ayam, ikan segar, cili merah, bawang besar, sardin dan susu pekat manis.

Headline	Assembleymen plea for help for farmers affected by poor harvest		
MediaTitle	The Star		
Date	04 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	175,986
Page No	2	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	299 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,048
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,144



## Assembleymen plea for help for farmers affected by poor harvest

THREE assemblymen representing Selangor's rice bowl constituencies are appealing to the Agriculture and Food Industries Ministry and its minister to assist padi farmers badly affected by poor quality harvest.

"Padi farmers have reported that this season's harvest was particularly bad.

"One padi farmer who could previously harvest eight to 10 tonnes in a season was only able to harvest five to six tonnes this time," said Ng Suet Lim (PK-Sekinchan).

"This means that a person who previously earned about RM13,300 for an eight-tonne harvest, only gets half of that amount now.

"As padi is harvested twice a year, whatever they earn in one season has to stretch for about six months.

"That amount is not enough for them to meet their financial commitments as well as pay for fertil-



(From left) Ahmad Mustain, Ng and Rozana speaking on behalf of padi farmers in their constituencies of Sabak, Sekinchan and Permatang respectively at the press conference. — KK SHAM/The Star

iser and other materials," he added.

Ng, along with Rozana Zainal Abidin (PK-Permatang) and Ahmad Mustain Othman (PK-Sabak), spoke at a press conference on the sidelines of the Selangor State

Assembly sitting in Shah Alam.

They estimated that about 10,000 farmers in their three constituencies were affected.

"Besides bad weather and plant diseases, the bad harvest has been attributed to poor padi seed quali-

ty," said Ng.

"The farmers previously used MR 219 padi seed that offered stable yields but the harvest was significantly lower after they switched to the ones recommended by Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), such as MR 307, 303, 297 and CI 2.

"The padi quality grade and 'potongan heras basoh' deduction of more than 20% is also a burden.

"We are appealing to Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang to reduce the rate to 17%," he said, adding that the deduction was based on the estimated water content in the padi to calculate a net harvest.

The three assemblymen also appealed to Ronald to give affected padi farmers one-off financial aid of RM2,000.

Rozana said padi farmers could only grow padi on their land, as the government subsidy they

received was specifically for that crop.

"Farmers who are desperate for better income can switch to vegetables or fruits but they won't get any government aid if that happens.

"We hope that the Federal Government will offer assistance as we don't want the padi fields in the 'Rice Bowl of Selangor' to disappear," she said.

Ng also urged Ronald and the ministry to look at introducing a new method of channelling subsidies.

"The existing system channels subsidies through selected manufacturers, so farmers are forced to buy only specific padi seeds from those producers.

"Our suggestion is for the subsidies to be channelled directly into the farmers' accounts, so they are free to choose and buy the seed they feel works for them best," he added.